

SOALAN NO: 44

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: YB PUAN HAJAH NORMALA BINTI ABDUL SAMAD

TARIKH: 5 NOVEMBER 2015

SOALAN:

Puan Hajah Normala binti Abdul Samad [Pasir Gudang] minta MENTERI SUMBER MANUSIA menyatakan jumlah tenaga kerja mahir bagi pekerja tempatan berbanding pekerja asing dalam sektor perkilangan dan adakah pihak Kementerian bercadang untuk mengehadkan pengambilan tenaga kerja mahir di kalangan pekerja asing kerana ia boleh membuka lebih peluang kepada pekerja tempatan.

PR-1333-L70525

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Berdasarkan Laporan Penyiasatan Tenaga Buruh Tahun 2014, Jabatan Perangkaan Malaysia, jumlah tenaga mahir tempatan dalam sektor pembuatan (perkilangan) adalah seramai 543,100 orang. Manakala berdasarkan statistik Jabatan Imigresen Malaysia, bagi tahun 2014, seramai 9,610 orang berkhidmat dalam sektor pembuatan adalah tenaga

kerja mahir pekerja asing atau dikategorikan sebagai pegawai dagang di Malaysia.

Tuan Yang Di Pertua,

2. Secara dasarnya, Kerajaan sentiasa komited dalam mengehadkan pengambilan tenaga mahir di kalangan pekerja asing dan mengurangkan kebergantungan negara terhadap pekerja asing. Keperluan tenaga kerja asing sama ada mahir, separa mahir dan kurang mahir untuk bekerja khususnya dalam sektor pembuatan adalah bersifat sementara.